28 Mar 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Bisnes • Page: 17 • Printed Size: 87.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 1,272.38
PR value: MYR 3,817.14 • Item ID: MY0025621140

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbangor@gmail.com

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

MK Land Holdings Berhad dengan kerjasama Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Persatuan Penduduk Damansara Damai menganjurkan Gotong-Royong Perdana bagi mencegah dan membanteras denggi secara efektif.

28 Mar 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: Syajaratulhuda Mohamad Rosli • Section: Nasional • Page: 12
Printed Size: 330.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 4,826.00 • PR value: MYR 14,478.00 • Item ID: MY0025621322

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbangor@gmail.com

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

7 kes keletihan akibat cuaca panas

■ SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI

BAYAN LEPAS- Kesan fenomena El Nino yang melanda negara sejak awal tahun ini, sebanyak tujuh kes keletihan akibat cuaca panas dilaporkan di negara ini.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya berkata, enam kes keletihan akibat kepanasan itu dilaporkan di Kedah dan satu di Perak.

"Setakat ini, ada juga laporan berhubung kekejangan akibat kepanasan, iaitu dua kes di Kedah. Hanya satu kes strok haba dilaporkan, iaitu di Perak. Masih ramai di kalangan masyarakat keliru dengan keletihan akibat cuaca panas dengan strok haba.

"Keletihan akibat cuaca panas hanya menunjukkan seseorang itu mengalami keletihan melampau berbanding strok haba yang boleh membawa maut. Kes-kes ini melibatkan negeri di sebelah utara. Nasihat saya supaya lebih banyak minum air selain mengurangkan aktiviti di luar, terutamanya di sebelah tengah hari dan petang," katanya kepada media pada majlis perasmian Mesyuarat Majlis Permuafakatan Komuniti 1Malaysia 2016 peringkat negeri Pulau Pinang, semalam.

Mengenai kes denggi, beliau berkata, ia menunjukkan penurunan 5.7 peratus dalam tempoh 19 Mac hingga 26 Mac.

Dr Hilmi berkata, bagi tempoh itu, hanya 331 kes dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes dalam tempoh itu 1,877. .

"Jumlah itu menunjukkan pengurangan 113 kes berbanding minggu sebelum itu dengan 1,990 kes. Terdapat lima negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya, iaitu Melaka, 11 kes (33.3 peratus), Negeri Sembilan, 11 kes (22.4 peratus), Sarawak empat kes (10.5 peratus), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya 4 kes (3.2 peratus) dan Johor 4 kes (1.6 peratus).

"Jumlah kumulatif kes denggi dilaporkan adalah 34,801 kes berbanding 32,321 kes bagi tempoh yang sama tahun lalu, iaitu peningkatan 7.7 peratus (2,480 kes). Ada dua kes kematian yang dilaporkan dalam tempoh 19 hingga 26 Mac dan jumlah kumulatif kematian denggi dalam tempoh sama adalah 85 kematian.

"Di sini menunjukkan penurunan 16 kes (15.8 peratus) iaitu 101 kematian bagi tempoh sama tahun lalu," katanya.

Menurutnya, kes kematian pertama melibatkan seorang lelaki berusia 32 tahun di Ampang, Selangor.

"Mangsa berasal dari Kelantan, tetapi tinggal di Ampang ketika kematiannya. Bagi kes kematian kedua juga melibatkan seorang lelaki berusia 51 tahun yang menetap di Kajang, Selangor. Pesakit adalah pembuat perabot di sebuah kilang di Selangor. Di Pulau Pinang, dari 3 Januari hingga 21 Mac, sebanyak 1,459 kes dilaporkan.

"Saya menasihati masyarakat menjaga kebersihan rumah dan persekitaran. Jangan anggap negara mengalami musim panas, nyamuk tidak dapat membiak. Ini kerana, telur nyamuk aedes dapat bertahan selama enam bulan tanpa hujan.

"Bayangkan jika selepas ini musim hujan, pada waktu ini kita perlu menjaga kebersihan bagi mengelakkan nyamuk membiak," katanya.

Dr Hilmi (kiri) menandatangani kain rentang ketika merasmikan Mesyuarat Majlis Permuafakatan Komuniti 1Malaysia 2016 peringkat Pulau Pinang, semalam.

28 Mar 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: Norafiza Jaafar • Section: Nasional • Page: 35 • Printed Size: 326.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 4,768.00
PR value: MYR 14,304.00 • Item ID: MY0025621356

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbangor@gmail.com

isentia.mediaportal
Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Tiada krisis bekalan air di Selangor

Kerajaan negeri ulangi jaminan bekalan cukup untuk tampung keperluan pengguna

■ NORAFIZA JAAFAR

SELAYANG - Kerajaan negeri menafikan Selangor bakal atau sedang menghadapi krisis air yang akan membebankan rakyat seperti didakwa.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, beliau melahirkan rasa terkilan apabila ada pihak yang sengaja memutar belitkan isu tersebut.

Menurutnya, kerajaan negeri mengambil langkah proaktif dalam memastikan bekalan air mencukupi memandangkan projek Langat 2 yang sepatutnya siap 2017 ditangguhkan kepada 2019.

"Sedikit sebanyak kelewatan projek itu pasti memberikan kesan kepada industri air, tapi saya tegaskan kerajaan negeri mempunyai perancangan rapi untuk memastikan sebarang masalah dapat ditangani lebih awal.

"Ia termasuk projek bekalan air mitigasi dua yang siap dengan kos RM328 juta dan tambahan RM800 juta lagi untuk pastikan industri serta pengguna tidak menghadapi perkara itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada Kempen Jom Jimat Air bertempat di pangsapuri Julia Selayang Baru Fasa 2B, di sini, semalam.

Jelasnya, walaupun rakyat mendapat manfaat RM11.40 bagi 20 meter padu air percuma namun jumlah yang ditampung kerajaan negeri adalah RM162 juta setahun bagi lima juta rakyat.

"Di Singapura, purata pengguna yang menggunakan air sehari adalah sebanyak 180 liter sehari berbanding di Selangor adalah 235 liter seorang. Sedangkan laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyarankan penggunaan bagi seorang adalah 150 liter saja.

"Pelancaran kempen Jom Jimat Air bertepatan dengan keadaan cuaca sekarang ini yang memberikan kesan bukan sekadar panas tapi menjejaskan sektor ekonomi termasuk petani disebabkan taburan hujan berkurangan," katanya.

Mohamed Azmin berkata, sebagai persediaan, pelan strategik perlu diatur bagi memastikan bekalan mencukupi termasuk mengurus air mentah lebih baik.

"Pemprosesan air terawat kosnya mahal tapi ada antara kita guna cuci kereta, siram pokok dan kolam renang. Ia seolah-olah tak hargai pembiayaan kerajaan negeri.

"Begitu juga di masjid dan surau semasa mengambil wuduk seperti mandi. Harap pihak masjid dan surau ambil perhatian dan lakukan sesuatu untuk berjimat bagi memenuhi keperluan harian," katanya.

Beliau berkata, belum ada keperluan kerajaan negeri menggubal undang-undang penggunaan air sebaliknya memerlukan kerjasama orang awam untuk berjimat menggunakannya.

Azmin melancarkan kempen Jom Jimat Air di pangsapuri Julia di Selayang, semalam.

28 Mar 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: Saifuddin Abdullah • Section: Nasional • Page: 22 • Printed Size: 313.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 4,578.00
PR value: MYR 13,734.00 • Item ID: MY0025621355

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbangor@gmail.com

Pastikan isytihar aset berkesan

Setakat ini, hanya Ketua Menteri, Exco dan sebahagian Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pulau Pinang, dan sebahagian Exco Selangor, serta Ahli Parlimen (MP) Pandan Rafizi Ramli, merupakan ahli politik yang dengan sukarela membuat pengisytiharan asetnya dan maklumatnya dapat dilihat orang ramai di laman web kerajaan/peribadi yang berkaitan.

Ini antara dapatan kajian oleh Shaza Onn, bertajuk *Bagaimana memperbaiki Sistem Pengisytiharan Aset Malaysia bagi memerangi rasuah* yang diterbitkan Institut Demokrasi dan Ekonomi (Ideas) pada 2015.

Ia dikongsi oleh Ketua Pegawai Operasi Ideas Tricia Yeoh di Forum Pengisytiharan Aset yang dianjurkan dan dipengerusikan Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor Hannah Yeoh, di Shah Alam pada 3 Mac lalu. Ahli panel lain ialah Exco Pulau Pinang Jagdeep Singh, Pengasas C4 Cynthia Gabrel, Timbalan Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Abdul Samat Kasah dan saya.

Dalam pembentangan saya, dengan merujuk, antaranya, OECD (2011) *Asset Declarations for Public Officials: A tool to prevent corruption*, dan pengalaman Georgia yang memenangi Anugerah Perkhidmatan Awam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi kategori Mengelak dan Memerangi Rasuah dalam Perkhidmatan Awam pada 2013, saya telah mengemukakan 10 cadangan dasar bagi memperbaiki sistem pengisytiharan aset Malaysia.

10 cadangan itu ialah:

Objektif: Ia mesti bermula dengan objektif yang jelas, iaitu: meningkatkan ketelusan dan keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan awam; membantu ketua-ketua institusi-institusi awam mengelakkan konflik peribadi di kalangan kakitangannya; dan mengawasi pemilikan aset ahli politik dan pegawai kerajaan bagi mengelakkan mereka daripada melakukan salah laku dan melindunginya daripada tuduhan palsu.

Perundangan: Hari ini, ahli politik tidak diwajibkan membuat pengisytiharan aset. Menteri dan timbalan menteri melaporkannya kepada SPRM setiap dua tahun. Bagi pegawai kerajaan, telah terdapat peraturan yang mewajibkan pengisytiharan dibuat kepada ketua-ketua jabatan. Apa yang diperlukan ialah diwujudkan undang-undang yang mewajibkan ahli politik tertentu mengisytiharkan aset dan memperkukuhkan sistem bagi perkhidmatan awam.

Badan bertanggungjawab: Perdana menteri, timbalan perdana menteri, menteri, timbalan menteri dan MP perlu mengisytiharkannya kepada Jawatankuasa Parlimen yang bebas. Menteri besar/ketua menteri, Exco dan Adun mengisytiharkannya kepada Jawatankuasa Dun yang bebas. Kakitangan kerajaan mengisytiharkannya kepada SPRM. Anggota kehakiman mengisytiharkannya kepada jawatankuasa khasnya.

Siapa mesti mengisytiharkan aset?: PM, TPM, menteri, timbalan menteri, menteri besar/ketua menteri, Exco, MP, Adun, Datuk Bandar/YDP PBT, ahli majlis PBT, anggota badan kehakiman, pendakwa raya, ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan, dan pegawai-pegawai kepada menteri/timbalan menteri.

Apakah aset perlu diisytiharkan?: Pendapatan tahunan, akaun bank, harta benda, harta benda boleh alih (kereta, barang kemas, dsb), perniagaan, kontrak, hadiah dan wang tunai.

Bagaimana pengisytiharan dibuat?: Dalam tempoh dua bulan selepas dilantik, dan pada setiap tahun.

Pengesahan: Pengisytiharan perlu disahkan oleh SPRM yang telah ditambah baik.

Hukuman: Keingkaran daripada membuat pengisytiharan mesti dihukum.

Perkongsian awam: Pengisytiharan mesti boleh diakses oleh khalayak, misalnya, melalui laman web.

Penilaian sistem: Sistem yang digunakan perlu dinilai dari semasa ke semasa bagi memastikan keberkesanannya.

Menurut OECD, hanya masa yang akan menentukan sejauh mana pengisytiharan aset dapat mengurangkan rasuah dan meningkatkan keyakinan terhadap perkhidmatan awam. Tetapi, ia telah menjadi standard dunia, termasuk dengan gesaan PBB, sejak 2003, untuk negara-negara anggotanya melaksanakannya.

Bagi kita, dengan pelbagai isu dan skandal rasuah mutakhir ini, kita mesti memperbaiki dan menjadikannya benar-benar berkesan.

#Datuk Saifuddin Abdullah ialah Ketua Setiausaha Pakatan Harapan dan bekas Timbalan Menteri Pengajian Tinggi. Beliau aktif di twitter: @saifuddinabd.

28 Mar 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 6 • Printed Size: 270.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 3,948.75
PR value: MYR 11,846.25 • Item ID: MY0025621301

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbangor@gmail.com

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Pembangkang diramal tambah kerusi PRN Sarawak

SHAH ALAM - Penganalisis politik menjangkakan pembangkang masih mempunyai harapan memenangi tambahan kerusi Dun pada PRN Sarawak akan datang.

Ini berdasarkan kepada sokongan pengundi di kawasan bandar, yang masih kuat menyokong Pakatan Harapan terutamanya DAP, yang memenangi 12 kerusi pada PRN lalu, manakala tiga kerusi lagi oleh PKR.

Malah, pembangkang kini berpotensi memenangi kawasan pengundi majoriti Iban, Dayak dan Orang Ulu berdasarkan reaksi dan sokongan terhadap Pakatan Harapan.

Menurut penganalisis politik, Prof Madya Dr Shaharuddin Badaruddin, meskipun berlaku pertambahan 11 kerusi Dun, menjadikan 82 kerusi pada PRN Sarawak kali ini, pembangkang dilihat dapat mengekalkan kemenangan terutama kerusi yang pernah dimenangi dahulu.

"Pada PRN kali ini, tumpuan bukan di kawasan majoriti pengundi Cina kerana percaya 'trend' yang berlaku di kawasan bandar masih lagi berlaku seperti mana PRN 2011.

"Di mana kawasan bandar dimenangi DAP. Sebagaimana kita sedia maklum isu nasional masih belum selesai dan masih mendominasi politik Sarawak.

"Melalui kajian yang dilakukan, tidak nampak masyarakat Cina akan beralih, meskipun BN yakin dengan kepimpinan baharu terutamanya ketua menteri boleh mengubahnya," katanya.

Beliau yang juga Timbalan Naib Canselor Universiti Selangor berkata, pembangkang mempunyai potensi besar di kawasan Iban, Dayak dan Orang Ulu, namun berdepan saingan sengit terutama di kawasan Melayu-Melanau yang dikuasai PBB.

Dr Shaharuddin berkata, soal pembangunan di kawasan bandar dan luar bandar masih lagi ketara dan tidak seimbang.

"Banyak perkara asas yang masih tidak selesai, masih ada kawasan luar bandar dan pedalaman yang tiada kemudahan air dan elektrik.

"Ini boleh menjadikan modal pembangkang. Jika strategi baik, pembangkang boleh menang lebih daripada itu. Kejutan boleh berlaku," katanya.

Sementara itu, berbeza pandangan, Prof Madya Dr Jeniri Amir berkata, pembangkang tidak akan mendapat kerusi yang lebih baik berbanding PRN 2011.

Jelasnya, ini kerana faktor Ketua Menterinya, Tan Seri Adenan Satim akan melonjakkan sokongan rakyat Sarawak terhadap BN.

"Saya tidak fikir parti pembangkang mencatatkan kemenangan yang lebih baik pada 2011 dahulu.

"Tindakan autonomi Sarawak yang dilakukan Adenan dilihat amat serasi dengan aspirasi rakyat, malah diterima baik dalam kalangan Bumiputera," katanya.

Beliau berkata, sejak mentadbir Sarawak popularity Adenan dalam kalangan rakyat meningkat 85 peratus.

Namun katanya, hanya DAP dan PKR mempunyai harapan berbanding parti lain termasuk Pas, Amanah mahupun calon Bebas.

"Yang dilihat mempunyai harapan hanya DAP dan PKR, Pas dan Amanah tidak mempunyai harapan langsung," katanya.

Malah kata Jeniri, Pas dilihat tidak serasi dengan amalan dan budaya di Sarawak.

"Pertembungan Pas di kawasan ditandingi PBB, membuatkan peluang makin tipis.

"Isu hudud dibawa Pas juga menyebabkan mereka dianggap sebagai ekstrem," katanya.

Menurut Jeniri, kekuatan BN dari segi jentera dan kewangan juga menyukarkan pembangkang.

BN Sarawak diwakili empat parti komponen iaitu PBB, Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Parti Rakyat Sarawak (PRS) dan Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP).

Terdapat 82 kerusi Dun yang akan dipertandingkan dalam PRN Sarawak yang perlu diadakan pada tahun ini.

Sehingga kini, tiada notis pembubaran Dun Sarawak sebelum Suruhanjaya Pilihan Raya mengumumkan tarikh penamaan calon dan undian.

JENIRI

SHAHARUDDIN

28 Mar 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 4 • Printed Size: 222.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 3,246.75
PR value: MYR 9,740.25 • Item ID: MY0025621296

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarngor@gmail.com

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Satukan pemimpin bersemangat patriotik

SHAH ALAM - Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali mengingatkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak supaya tidak sesekali bermusuh dengan Penasihat DAP, Lim Kit Siang, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan bekas Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut beliau, Gerakan Selamatkan Malaysia adalah ibarat pelangi walaupun mempunyai ideologi dan perjuangan berbeza, gerakan ini ditubuhkan bagi menyatukan pemimpin yang mempunyai semangat patriotik dan cintakan tanah air.

"Hari ini adalah hari yang amat bersejarah kerana belum pernah ada muafakat sebegini di kalangan rakyat yang merangkumi semua golongan dan lapisan umur.

"Namun ada yang takut dengan deklarasi ini. Deklarasi ini bukan soal individu. Ini bukan deklarasi Tun M dan Kit Siang, tapi ini deklarasi rakyat," katanya.

"Hari ini adalah hari yang amat bersejarah kerana belum pernah ada muafakat sebegini di kalangan rakyat yang merangkumi semua golongan dan lapisan umur."
- Mohamed Azmin

Dalam pada itu, Mohamed Azmin yang juga Adun Bukit Antarabangsa memaklumkan bahawa sekiranya siasatan terhadap isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB), 2.6 bilion dan kes pembunuhan Altantuya Shariibuu dijalankan secara telus, rakyat tidak akan lagi memerlukan deklarasi rakyat tersebut.

Menurut beliau, walaupun ada pihak berkata Najib boleh dijatuhkan dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) akan datang, namun rakyat negara ini tidak mampu lagi menunggu lebih lama dengan penindasan yang dilakukan oleh golongan atasan.

"Kita nak kembalikan *the rule of law* dan bukannya pertahankan *law of jungle* dan sebab itu kita perlukan gerakan ini.

"Bahtera sudah siap, air sudah pasang, dan sekarang adalah masa untuk bertindak. Seluruh rakyat negara perlu bangun dan ketepikan kepentingan dan ideologi politik masing-masing demi menyelamatkan Malaysia," katanya.

28 Mar 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 38 • Printed Size: 285.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 4,168.13
PR value: MYR 12,504.39 • Item ID: MY0025621517

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbangor@gmail.com

isentia.mediaportal
Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Saya mohon maaf: Azmin

Menteri besar buat pengakuan terbuka tentang nasib rakyat Pelabuhan Klang terabai

KLANG - Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, memohon maaf secara terbuka kepada penduduk di Pelabuhan Klang kerana mengabaikan mereka selama dua penggal berturut-turut berikutan kegagalan wakil rakyat dipilih menjalankan tanggungjawab.

Beliau yang juga Timbalan Presiden PKR berkata, kegagalan wakil rakyat berkenaan menyebabkan banyak perkara berkaitan kebajikan rakyat dan pembangunan di Pelabuhan Klang tergendala.

"Saya mohon ampun dan maaf kepada seluruh penduduk Pelabuhan Klang bagi pihak kerajaan negeri dan PKR.

"Pada 2008 rakyat memberikan sokongan kepada PKR tetapi wakil rakyat hilang setengah jalan dan pada 2013 sekali lagi kepercayaan diberikan kepada beliau tetapi hilang juga sehingga ke hari ini," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Pusat Khidmat Rakyat N46 Dun Pelabuhan Klang, di sini, kelmarin.

Menurutnya, kegagalan wakil rakyat berkenaan menjalankan amanah menyebabkan rakyat mengadu nasib dan mendapatkan bantuan daripada wakil rakyat di kawasan berhampiran.

"Saya dapati ramai penduduk di sini mendapatkan bantuan daripada Adun Kota Alam Shah, Ganabatirau Veraman; Adun Sri Andalas, Dr Xavier Jayakumar; Adun Kota Anggerik Yaakob Sapari dan Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Samad," katanya.

Bagi memastikan pengkhianatan terhadap rakyat tidak berulang, Azmin berkata, Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) Selangor, Asmizam Zaman Huri, dilantik sebagai Penyelaras Dun Pelabuhan Klang bagi menangani permasalahan rakyat di sana.

Beliau akan pantau secara dekat prestasi Asmizam supaya kebajikan dan kepentingan semua kaum di Pelabuhan Klang kembali dimartabatkan.

"Saya selaku ketua kerajaan negeri memberi jaminan bahawa calon yang kami kemukakan sebagai Penyelaras Adun Pelabuhan Klang adalah seorang anak muda yang bertenaga dan telah teruji dan diuji dalam perjuangan," katanya.

Ditanya sama ada tindakan dikenakan ke atas adun berkenaan ataupun tidak, Azmin berkata, perkara tersebut akan dibincangkan dalam Persidangan Dewan Dun Kerajaan Negeri Selangor yang bermula pada 28 Mac nanti.

Azmin pada perasmian Pusat Khidmat Rakyat N46 Dun Pelabuhan Klang, kelmarin.

28 Mar 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 35 • Printed Size: 174.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 2,545.00
PR value: MYR 7,635.00 • Item ID: MY0025621357

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbangor@gmail.com

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Dapur Rakyat utama kebajikan penduduk

PAYA JARAS - Program Semarak Hijau dan pelancaran an NGO Dapur Rakyat anjuran Pas Subang bukan untuk tujuan berpolitik tetapi mengutamakan kebajikan penduduk di sekitar kawasan itu.

Yang Dipertua Pas Subang, Zaharudin Muhammad berkata, pelancaran program Semarak Hijau diharap menjadi pembakar semangat untuk ahlinya terus bekerja dengan lebih gigih membantu Pas dan menjadi ejen kebajikan rakyat yang utama.

"Agenda kebajikan yang digerakkan Pas Subang bukan untuk politik tetapi kami nak utamakan kebajikan penduduk di kawasan ini.

"Sebagai contoh, seorang isi rumah yang tidak mempunyai kerakyatan negara ini, kami tetap bantu kerana melihat kehidupannya terlalu daif," katanya.

Beliau berkata demikian selepas perasmian program tersebut di Dewan MBSA Paya Jaras, Sungai Buloh yang disempurnakan Timbalan Speaker Dun Selangor, Shafie Ngah.

Pada program sama, 100 penerima menerima sumbangan kit makanan daripada NGO Dapur Rakyat.

Shafie (dua, kanan) ketika merasmikan Program Semarak Hijau dan pelancaran NGO Dapur Rakyat di Dewan MBSA Paya Jaras, Sungai Buloh.

28 Mar 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 2 • Printed Size: 62.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 534.15
PR value: MYR 1,602.45 • Item ID: MY0025621294

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbangor@gmail.com

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Demi rakyat, Azmin sanggup lupa semua detik hitam

SHAH ALAM – "Memang Tun (bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad) pernah penjarakan kami, tetapi sekarang itu semua sejarah," demikian ujar Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Menurutnya, meskipun pernah dipukul, ditahan dan dipenjarakan di bawah bidang kuasa Mahathir, beliau sanggup mengetepikan semua detik hitam itu demi perjuangannya untuk rakyat.

Kata Mohamed Azmin lagi, berdirinya beliau di sisi Mahathir pada Kongres Rakyat 2016 sebagai bukti yang beliau sudah melupakan peristiwa lalu.

"Saya pernah digari, ditahan di penjara dan dipukul oleh enam anggota polis dan pada ketika itu, Tun Mahathir memegang jawatan sebagai Menteri Dalam Negeri.

"Itulah sejarah. Sejarah ajar saya untuk menghayati makna perjuangan rakyat. Kami mahu jadi orang yang lebih baik bukan orang yang lebih teruk daripada sebelumnya," katanya.

28 Mar 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 41 • Printed Size: 255.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 3,729.00
PR value: MYR 11,187.00 • Item ID: MY0025621573

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbangor@gmail.com

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Pemimpin mesti ikhlas

SIJANGKANG - Penduduk Dun Sijangkang tidak menafikan mahukan seorang pemimpin yang sentiasa dekat di hati rakyat dan bukan wakil rakyat yang hanya nampak muka apabila hampir PRU.

Seorang kakitangan kerajaan, Mohd Hafizi Abu Bakar berkata, pemimpin kelawar ini dianggap tidak ikhlas dalam berjuang dalam parti.

Menurutnya, mereka menggunakan parti di waktu tertentu untuk kepentingan diri tanpa memikirkan keadaan rakyat.

"Saya fikir pemimpin begini juga boleh menjadi pemimpin 'flip flop' kerana jika menang dalam pilihan raya pun... pemimpin inilah yang akan melompat parti atas sebab tidak berjuang dari mula, sebaliknya bekerja berkehendakkan sesuatu.

"Jika benar kita mahu menang pilihan raya, ikhlas dan berjuanglah daripada bawah dan bermula dari langkah pertama, seterusnya menjalankan kerja-kerja parti untuk memastikan kemenangan parti," katanya yang turut memegang jawatan Timbalan Pengerusi Belia MAYC Kuala Langat.

MOHD HAFIZI

Bagi Ahli Majlis Daerah Kuala Langat, Hairul Nizam Tohar berkata, beliau bersetuju pemimpin bermusim ini tidak patut terus dijadikan sebagai wakil rakyat.

Katanya, pemimpin seharusnya menjadi pendamping rakyat dan berjumpa dengan rakyat setiap hari.

"Kalau turun bila musim pilihan raya sahaja memang sangat tidak wajar.

"Ada juga pemimpin yang menjadi pemimpin di kawasan pedalaman tapi tinggal jauh di bandar...bagaimana nak selami kehidupan harian rakyat," katanya yang mengakui masih wujud pemimpin seumpama itu di Selangor.

HASNUL

Hairul berkata, seorang pemimpin yang ikhlas bekerja untuk rakyat seharusnya sentiasa bersama rakyat dan budaya ziarah rakyat perlu dilakukan setiap masa.

Katanya, pengundi pula seharusnya memilih pemimpin yang sentiasa mendengar suara rakyat supaya boleh hidup bersama rakyat merasai jerih payah rakyat.

"Bukan rakyat sedang derita..pemimpin pula bermewah-mewah, sampai masa pilihanraya boleh beri gula-gula pada rakyat.

"Itu bukan contoh pemimpin yang baik dalam bahasa mudah..pemimpin kena bekerja untuk rakyat bukan menjadi tuan kepada rakyat ",katanya.

Sementara itu, Adun Morib, Hasnul Baharudin berkata, pemimpin kelawar atau pemimpin bermusim sebenarnya berisiko mengalami pelbagai kesukaran sekiranya bertanding semula.

Menurut beliau, sama ada pemimpin daripada BN, Pakatan Rakyat atau yang lain pasti berdepan pelbagai masalah, sekali gus perlu memikirkan masalah itu dari awal pelantikan menjadi pemimpin.

Menurutnya, tugas wakil rakyat adalah menyelesaikan masalah rakyat.

"Sekiranya tidak turun menyelami hati rakyat, bagaimana hendak dapat sokongan?

"Dasar-dasar serta hala tuju parti juga amat penting. Sekiranya parti membela perasuah, maka rakyat juga harus menolak parti ini," katanya.

Bagi Hasnul, apa yg dijanjikan perlu dikotakan dan bukan hanya slogan kosong, baharulah rakyat akan menilai dan membuat keputusan.

28 Mar 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 38 • Printed Size: 274.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 4,007.00
PR value: MYR 12,021.00 • Item ID: MY0025621549

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbangor@gmail.com

isentia.mediaportal
Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Pengundi hilang arah

Pemimpin datang dan pergi tetapi wakil rakyat berjasa tetap diingati dan dihormati. Namun politik masa kini, pemimpin hanya mengejar kuasa dan leka dengan tanggungjawab dan amanah yang diberi rakyat. Maka, wujudlah pemimpin hadir secara bermusim dan tampil bersua muka dengan pengundi menjelang pilihan raya.

Kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi baru-baru ini mengingatkan rakyat menolak sesetengah pemimpin yang hanya turun padang berkhidmat secara bermusim perlu di pandang serius. Pemimpin begini diibaratkan sebagai keluang atau kelawar yang berkhidmat secara bermusim. Mengambil kira pandangan Zahid, *Sinar Harian* turun padang mendapatkan reaksi dan komen orang ramai berhubung isu ini. Ikuti kupasan wartawan Sinar Harian Edisi Selangor berhubung isu wakil rakyat bermusim yang hanya muncul menjelang pilihan raya.

KLANG – Tempoh dua tahun tatkala Adun Pelabuhan Klang yang juga bekas Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dipalit pelbagai kontroversi, tanggungjawabnya kepada rakyat didakwa turut terjejas.

Dalam tempoh itu, pemimpin tempatan di kawasan Dun Pelabuhan Klang juga tidak tahu kepada siapa mereka mahu mengadu perihal masalah khususnya berkaitan kebajikan, kemudahan infrastruktur dan juga masalah lain berkaitan rakyat.

Ketua Kampung Telok Gong, Norazman Mohsin berkata, dalam tempoh itu, pihaknya terpaksa menunda segelintir program untuk rakyat ekoran peruntukan yang diperoleh melalui Pejabat Daerah dan Tanah Klang tidak mencukupi.

"Banyak aduan yang dikemukakan penduduk khususnya berkaitan infrastruktur di kawasan ini tidak mendapat maklum balas yang positif.

Mohd Farazi

Norazman

"Sebagai Adun sekalipun atas kuota bebas, beliau (Abdul Khalid) harus melaksanakan tanggungjawabnya kepada rakyat dengan turun padang dan mendengar rintihan umum sekali gus mengambil langkah proaktif menanganinya," katanya kepada Sinar Harian.

Menurutnya, melalui pelantikan Penyelaras Dun yang baru, Azmizam Zaman Huri, pihaknya berharap program dan aduan yang terbengkalai dapat diberi perhatian kerana ia melibatkan kepentingan rakyat yang juga pengundi di Dun ini.

Pengerusi Penggerak Belia Tempatan (PeBT) Zon N46 (C) kawasan Pelabuhan Klang, Mohd Farazi Mohd Shah berkata, tindakan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali memohon maaf kepada rakyat Pelabuhan Klang adalah tanda kesediaan kerajaan negeri untuk memberi perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat di Dun ini.

"Saya yakin beliau tidak mahu kesilapan memilih pemimpin berulang sekali lagi dan disebabkan itu beliau mengambil masa lama untuk melantik penyelaras bagi menguruskan Dun ini.

"Saya harap Penyelaras Dun yang baru ini dapat melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh dedikasi," katanya.

Katanya lagi, melalui latar belakang yang baik dari segi usia dan aktif di pelbagai peringkat, Penyelaras yang baru itu diharap mampu menangani masalah rakyat di kawasan ini dengan bijaksana.

28 Mar 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 39 • Printed Size: 201.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 2,939.63
PR value: MYR 8,818.89 • Item ID: MY0025621605

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbangor@gmail.com

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Rakyat sudah pilih, pemimpin wajib laksanakan amanah

SHAH ALAM – "Kita dipilih oleh rakyat, ia sudah semestinya menjadi tanggungjawab kita untuk menjalankan tugas sebaiknya," kata Timbalan Ketua Umno Selangor, Datuk Mat Nadzari Ahmad Dahlan.

Beliau mengulas mengenai kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berhubung pemimpin bersikap umpama 'keluang dan kelawar' yang hanya turun padang untuk berkhidmat kepada rakyat secara bermusim.

Menurutnya, kenyataan Ahmad Zahid itu tepat, pemimpin juga tidak boleh jadi pemalas atau sentiasa berbohong kononnya terlalu sibuk.

"Pemimpin besar hingga sekecil-kecilnya kena faham semua ini. Masing-masing kena memainkan peranan mengikut kapasiti dan kemampuan mereka.

"Mereka juga tidak seharusnya menuding jari, sedangkan kita duduk, seolah-olah tidak langsung ada beban tanggungjawab. Ini pengertian yang salah. Apatah lagi kalau kita seorang wakil rakyat," katanya.

MAT NADZARI

TIEW WAY KENG

Mat Nadzri yang juga Adun Batang Kali juga menegaskan jangan amalkan sikap kelawar, turun padang secara bermusim atau bersikap 'touch and go' dalam melaksanakan tanggungjawab.

"Pemimpin itu kemudian akan berkokok siang malam menyalahkan orang lain, seharusnya mereka juga perlu bersama-sama melaksanakan tanggungjawab," katanya.

Sementara itu, Adun Teratai, Tiew Way Keng berkata, rakyat mahu pemimpin yang memiliki kriteria mudah disenangi serta boleh menyesuaikan diri dengan golongan tersebut.

Menurut beliau, rakyat boleh menilai kerja pemimpin berkenaan.

"Rakyat akan marah apabila pemimpin mereka bersikap seperti kelawar atau keluang hanya turun semasa pilihan raya," katanya.

Way Keng berkata, pihaknya juga menerima emel daripada persatuan penduduk dari kawasan luar Dun Teratai untuk mengadakan perjumpaan dengannya berhubung masalah mereka.

"Sepatutnya mereka jumpa dengan wakil rakyat di kawasan tersebut untuk menyelesaikan masalah berbangkit," katanya.

Way Keng berkata, pihaknya juga mewujudkan pusat khidmat khusus untuk penduduk di Dun Teratai, tujuannya adalah untuk mendengar dan mengambil tindakan terhadap isu yang dibangkitkan oleh masyarakat.

Headline	Bertentangan Perlembagaan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	11	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	233 cm²
Journalist	Mohd Iskandar Ibrahim	AdValue	RM 8,032
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,095

Bertentangan Perlembagaan

» *Tun Mahathir akui gerakan terdesak cuba singkir Najib*

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim, Hazwan Faisal Mohamad dan Norrasyidah Arshad
bhnews@bh.com.my

Shah Alam

Tun Dr Mahathir Mohamed semalam mengakui usaha penyingkiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, Perlembagaan Persekutuan menetapkan Yang di-Pertuan Agong yang berkuasa untuk melantik Perdana Menteri namun tiada peruntukan yang menyatakan mereka boleh memecatnya.

"Raja-raja boleh melantik Perdana Menteri, tetapi tidak boleh buang atau menyingkirkannya dan apa yang kita hendak buat ini, di luar daripada Perlembagaan Persekutuan.

"Tetapi kalau Raja-raja mendesak ada kemungkinan Perdana Menteri akan disingkirkan. Sebab itu kita mengadakan deklarasi (rakyat)," katanya berucap pada Kongres Rakyat 2016 yang dihadiri kira-kira 1,000 orang di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) di sini, semalam.

Konvensyen itu turut dihadiri bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir; Penasihat DAP, Lim Kit Siang dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Gesa Anwar dibebas

Dalam pada itu, kongres yang kononnya memperjuangkan suara rakyat berubah menjadi medan menggesa supaya bekas Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dipenjarakan atas kesalahan meliwat, dibebaskan.

Antara mereka yang membuat gesaan itu ialah bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Zaid Ibrahim, Mohamed Azmin dan bekas Presiden Majlis Peguam, Datuk S Ambiga.

Malah, DAP turut mengambil peluang apabila Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok mempertahankan Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng berhubung skandal pembelian banglo dengan mendakwa isu itu sengaja diperbesarkan bagi menutup kempen Selamatkan Malaysia.

Powered by: isentia

Headline	Bertentangan Perlembagaan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	11	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	233 cm²
Journalist	Mohd Iskandar Ibrahim	AdValue	RM 8,032
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,095

Tun Mahathir bersama (dari kiri) Kit Siang, Muhyiddin dan Zaid (kanan) pada sidang media ***selepas Kongres Rakyat 2016*** *di SACC Shah Alam, semalam.* [FOTO ROSDAN WAHID/BH]

Powered by: isentia

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Gamuda Bhd - Penang News (Gamuda Bhd (Penang))	1	0	RM 0
Menteri Besar Selangor (Menteri Besar Selangor)	2	0	RM 0
Minister in Prime Minister Department (Minister in Prime Minister	1	0	RM 0
Parliament of Malaysia (Parliament)	3	0	RM 0
Prime Ministers Department (Prime Ministers Department)	4	0	RM 0
Shah Alam Convention Centre (SACC) (Shah Alam Convention Centre	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

28 Mar 2016
Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Ekonomi • Page: B7 • Printed Size: 101.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 1,827.00
PR value: MYR 5,481.00 • Item ID: MY0025622087

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbangor@gmail.com

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Verdi eco-dominiums dijangka siap akhir tahun

UEM Sunrise Bhd (UEM Sunrise) menjangkakan Verdi eco-dominiums, projek kediaman mewahnya di pembangunan Symphony Hills Cyberjaya, Selangor, akan siap sepenuhnya dan sedia untuk dihuni menjelang akhir tahun ini.

Projek seluas 3.71 hektar yang dilancarkan pada Mei 2013 itu memiliki dua menara kediaman setinggi 44 tingkat bagi Menara 1 dan 45 tingkat Menara 2 menempatkan 800 unit berkeluasan 700 kaki persegi hingga 1,453 kaki persegi.

Nikmati persekitaran hijau

Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutifnya, Anwar Syahrin Abdul Ajib, berkata pihaknya kini sudah pun sampai ke peringkat penyudah pembangunan kondominium itu dan meninjau untuk menyiapkan sebelum akhir tahun ini untuk penyerahan kunci kepada pemilik.

"Kami berharap penghuni akan menikmati persekitaran hijau dan kemudahan moden yang disediakan di Verdi eco-dominiums," katanya pada majlis penyudah pembinaan projek itu di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Yang turut hadir Ketua Operasi Pembangunan, Datuk Roslan Ibrahim; Pengarah Projek Central 2, Liong Kok Kit; dan pihak kontraktor Pembinaan Mitrajaya Sdn Bhd diwakili Pengarah Urusan, Foo Chek Lee.

Berpandukan konsep kehidupan dalam taman, Verdi ecodominiums menawarkan harga unit antara RM528,800 hingga RM1,187,800 menerusi empat jenis iaitu A, B/B2, C, dan D/D1.

Headline	Longgokan sampah haram cemarkan Bukit Ampang		
MediaTitle	Kosmo		
Date	28 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	18	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	266 cm²
Journalist	MUHAMAD IQBAL MOHD. ZAZULI	AdValue	RM 6,903
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,709

Longgokan sampah haram cemarkan Bukit Ampang

Oleh MUHAMAD IQBAL MOHD. ZAZULI

LONGGOKAN sampah yang dibuang oleh kontraktor di tepi laluan Jalan Ampang-Hulu Langat mencemarkan pemandangan di kawasan Bukit Ampang, Kajang baru-baru ini.

KAJANG – Laluan Jalan Ampang-Hulu Langat di kawasan Bukit Ampang dekat sini menjadi tempat longgokan sampah haram dan sisa industri oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tinjauan *Kosmo!* mendapati, terdapat beberapa timbunan sampah seperti sisa pembinaan, sampah sarap dan perabot terpakai yang menjelikkan mata diletakkan di bahu jalan di sepanjang jalan berkenaan.

Menurut seorang pesara dari Taman Pinggiran Delima, Hulu Langat, Muhamad Zaidi Azidim, (**gambar kecil**) 49, masalah longgokan sampah haram di sepanjang jalan berkenaan telah mencemarkan keindahan hutan dan pengunjung yang menggunakan laluan tersebut ke beberapa lokasi rekreasi di Hulu Langat.

"Jalan itu merupakan jalan yang menghubungkan pusat bandar dengan pusat pelancongan seperti Kampung Orang Asli, Air Terjun Sungai Tekala, Air Terjun Sungai Gabai dan Air Terjun Sungai Congkak.

"Setiap hujung minggu akan ada kumpulan berbasikal yang menggunakan jalan itu sebagai laluan berbasikal serta konvoi motosikal kuasa tinggi. Namun perjalanan untuk ke destinasi pelancongan itu dicemari dengan sikap sesetengah pihak yang bertindak membuang sampah di tepi jalan memburukkan imej negara," katanya.

Bagi seorang pemandu lori, Rosmi Mustapa, 39, yang kerap menggunakan jalan itu untuk ke tempat kerja di sekitar Hulu Langat, dia kecewa dengan tindakan sesetengah kontraktor kecil yang mengambil jalan mudah membuang timbunan sampah di tepi jalan.

"Saya beberapa kali nampak kontraktor pembinaan melakukan kegiatan yang tidak bertanggungjawab itu. Sepatutnya kontraktor tersebut membuang sampah di pusat pelupusan sampah di Broga tetapi mereka mahu menjimatkan kos dengan hanya membuang di tepi jalan.

"Saya harap Majlis Perbandaran Kajang dapat ambil tindakan terhadap pihak yang tidak bertanggungjawab itu supaya alam sekitar dapat terus dipelihara," ujarnya.

Powered by: isentia

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Majlis Perbandaran Kajang (Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ))	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

28 Mar 2016
Harian Metro, Malaysia

Author: No author available • Section: Setempat • Page: 29 • Printed Size: 146.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 5,751.52
PR value: MYR 17,254.56 • Item ID: MY0025621383

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbangor@gmail.com

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

DR Mahathir menjawab soalan wartawan. Hadir sama, Muhyiddin (kiri).

Dr M mengaku gerakan 'Selamatkan Malaysia' bertentangan Perlembagaan

Tun Dr Mahathir Mohamad mengaku gerakan 'Selamatkan Malaysia' untuk menyingkirkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Mantan Perdana Menteri itu berkata, Perlembagaan menetapkan Yang di-Pertuan Agong berkuasa melantik Perdana Menteri, tetapi tiada peruntukkan untuk memecat pemegang jawatan nombor satu dalam kerajaan itu.

Malah, beliau tidak yakin Majlis Raja-Raja akan bertindak melainkan selepas didesak oleh rakyat keseluruhan.

"Raja-raja tiada kuasa untuk membuang mana-mana Perdana Menteri dalam Perlembagaan tidak ada peruntukan itu. Yang kita nak ini adalah di luar dari Perlembagaan.

"Majlis Raja-Raja pun tidak boleh buat apa-apa melainkan mungkin hanya selepas didesak rakyat," katanya pada Kongres Rakyat 2016, di sini, semalam.

Turut hadir, bekas Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, bekas Menteri Besar Kedah Datuk Seri Mukhriz Mahathir, Penasihat DAP Lim Kit Siang serta Presiden Parti Amanah Negara (PAN) Mohamad Sabu.

